

RABU 08 05 2019

BH SKOR

bhskor@bh.com.my

S 6 - 8 SEJARAH
Ujian Sejarah (Kertas 1)



Raya ni nak beli langsir baharu, karpit baharu, sofa baharu, set pinggan mangkuk baharu, baju raya, kuih raya, kereta dan ...

Ingat, kena hemat bila berbelanja!

HEMAT BERBELANJA

➔ Membeli ikut keperluan bukan kehendak, rancang kewangan

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan ffarhana@bh.com.my

➔ Kuala Lumpur

Menjelang musim perayaan terutama memabitkan perayaan utama di negara

ini, kita dapat menyaksikan kelaziman masyarakat mengunjungi pusat beli-belah dan kedai jualan bagi menyediakan keperluan serta kelengkapan. Dengan tawaran potongan harga istimewa dan promosi pembelian cukup menarik, masyarakat bukan sahaja

sanggup bersesak kerana teruja mencari pakaian raya seisi keluarga untuk digayakan pada hari bermakna itu, tetapi juga leka membelanjakan wang untuk aksesori, hiasan rumah dan kuih raya. Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah, Jaringan Industri

dan Masyarakat) Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohamad Fazli Sabri, berkata situasi itu menunjukkan corak perbelanjaan masyarakat di Malaysia ketika membuat persiapan perayaan berada pada skala membimbangkan. **S2**



Isu Semasa

Interaktif



●● Keluarga saya menempah sepasang pakaian setiap seorang sejak sebelum raya kerana lebih jimat dan selesa dipakai. Jika kasut tahun lalu masih elok, saya tidak beli yang baharu"

Ahmad Adam Syarul
Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Puncak Alam



●● Persiapan raya kami sekeluarga dibeli sebelum puasa dan ibu bapa mendidik kami berjimat dengan membeli sepasang baju kurung, kasut dan tudung untuk Aidilfitri"

Norfarah Adriana Mohd Khaid
Pelajar SMK Puncak Alam

Rancang kewangan

➔ Dari muka S1

Beliau berkata, hasil pemerhatian dan kajian corak perbelanjaan dilakukannya memabitkan lebih 700 pengguna menunjukkan orang ramai, terutama berkeluarga sememangnya menyediakan perancangan kewangan sebagai panduan untuk mereka berbelanja keperluan perayaan.

Namun, katanya, pemikiran raya hanya setahun sekali dan harga murah dijanjikan penjual menjadi faktor masyarakat rambang mata ketika berbelanja sehingga sanggup membayar pada harga lebih yang tersasar daripada perancangan disediakan.

Dr Mohamad Fazli berkata, media sosial memiliki kuasa besar sebagai faktor pendorong orang ramai berbelanja sakan apabila memaparkan lambakan produk kelengkapan perayaan, diskaun menarik dan video promosi mengujakan.

"Sikap membandingkan diri dengan orang sekeliling, ingin menunjuk-nunjuk dan nafsu berbelanja turut memberi impak kepada individu untuk berbelanja berlebihan.



●● Bersederhanalah menyambut perayaan, tidak perlu berlebihan, mengadakan rumah terbuka terlalu meriah atau beri duit raya jika tidak berkemampuan kerana yang penting adalah meraikannya"

Prof Madya Dr Mohamad Fazli Sabri
Timbalan Dekan Fakulti Ekologi Manusia UPM

"Ada juga pencetus masalah berbelanja lebih ini adalah tidak menyediakan perancangan kewangan,

tidak berbincang bersama-sama dengan pasangan, terlalu mengikut permintaan anak, memfokuskan kepada keseronokan semasa tanpa memikirkan kesudahan membayar hutang pada hari kemudian dan mengutamakan kehendak berbanding keperluan.

Tabung bulan

"Tawaran pinjaman wang segera yang disogok pihak tertentu turut dikenal pasti sebagai faktor individu bertindak mengambil jalan mudah mendapatkan peruntukan tambahan kos raya tanpa berfikir implikasi jangka panjang, sehingga akhirnya berisiko hidup dibebani hutang besar, sukar menguruskan ekonomi harian dan mengalami tekanan jiwa," katanya kepada BH Versiti, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Dr Mohamad Fazli berkata, keadaan berbelanja secara melampau tidak sepatutnya berlaku kerana setiap tahun masyarakat membuat persiapan untuk meraikan perayaan dan pastinya maklum mengenai kesisipan lalu.

Katanya, setiap individu dan keluarga harus berbelanja secara bersederhana melalui perancangan



Menjelang musim perayaan pengunjung sibuk membeli-belah.

kewangan beberapa bulan lebih awal.

Sekiranya kos perbelanjaan melebihi pendapatan bulanan, tegasnya, perancangan awal itu membolehkan individu mencari wang tambahan, sama ada menambah tabung bulan melalui gaji dan bekerja lebih masa.

"Kita sebagai pengguna seharusnya bijak menggunakan konsep mengukur baju di badan sendiri ketika berbelanja, ikut keadaan kewangan semasa diri dan keluarga, tanya diri adakah kita mampu serta membeli mengikut panduan kewangan ditetapkan.

Kempen jimat

"Pastikan kita mengikut keperluan bukan kehendak. Ingatlah kemeriahan raya hanya beberapa hari, adakah kita ingin dibe-

lenggu masalah kewangan terhad sepanjang tahun atau berhempas pulas membayar hutang akibat boros berbelanja," katanya.

Bagi mengelakkan membeli secara berlebihan ketika membuat persediaan raya, Dr Mohamad Fazli berkata, individu mesti mempunyai kesedaran tinggi untuk mendidik diri supaya mengamalkan sikap berjimat cermat, tidak membeli mengikut kehendak dan meminimumkan perbelanjaan.

Beliau berkata, ibu bapa sebagai ejen sosial kepada anak seharusnya menerapkan kepentingan berbelanja secara berhemat supaya pelajar tampil menjadi individu bijak menguruskan kewangan.

"Mungkin Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Menteri-

Persiapan raya awal dapat jimatkan masa, tenaga, wang

Kuala Lumpur: "Saya sekeluarga memilih menyediakan persiapan raya beberapa bulan lebih awal, biasanya pada jualan akhir tahun kerana jimat masa, tenaga dan wang," kata seorang penjawat awam, Encik Mohd Rafizi Rahmad.

Bapa kepada empat anak itu berkata, sebelum keluar membeli-belah, beliau dan isteri akan berbincang bagi memastikan peruntukan serta barangan dibeli berpatutan dengan keperluan.

Beliau berkata, persiapan awal bukan sahaja membolehkan beliau sekeluarga

berbelanja dalam situasi lebih selesa, banyak pilihan dan berpeluang meninjau diskaun sehingga 80 peratus.

Katanya, penjimatan kos membeli pakaian dan kuih raya itu boleh diperuntukkan bagi keperluan kewangan lain seperti memberi duit raya kepada saudara mara serta perbelanjaan pulang ke kampung.

"Membeli sebelum Ramadan juga mengelakkan kami sekeluarga bersesak ketika ramai memilih berbelanja selepas waktu berbuka puasa, malah



Encik Mohd Rafizi Rahmad



Puan Noor Faizah Ibrahim

membolehkan kami fokus kepada amal ibadah seperti tarawih," katanya yang memperuntukkan sepasang baju tradisional kepada

setiap ahli keluarga berwaris sedondon.

Buat kuih sendiri

Seorang ibu, Puan Noor

Faizah Ibrahim, berkata walaupun peruntukan perbelanjaan berubah mengikut keperluan semasa, seperti pertambahan ahli keluarga dan kos perjalanan, dia menyediakan perancangan kewangan untuk mengawal perbelanjaan dan mendidik anak untuk berjimat cermat.

Bagi memudahkan persiapan, beliau akan membeli kain di gedung pakaian dan menempah pakaian lima bulan lebih awal kerana biasanya menawarkan harga lebih berbaloi, manakala hanya kasut

dibeli pada bulan puasa.

Katanya, dari aspek kuih, beliau memilih membuat sendiri hidangan pada awal puasa untuk dihidangkan kepada tetamu ketika Aidilfitri dan buah tangan pulang ke kampung.

"Saya melihat amalan berbelanja secara berhemat sangat penting kerana dapat mendidik diri untuk menguruskan kewangan dengan baik.

"Amalan ini juga mampu membantu kita menstabilkan ekonomi keluarga," katanya yang bertugas sebagai pembantu tadbir.